

 RESEARCH MANAGEMENT CENTRE	KRITERIA GERAN KONTRAK PENYELIDIKAN DTD (CR-DTD)	Semakan: 4
		Tarikh Pindaan: 15 Januari 2026
		Muka surat 1 daripada 6

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1.	Pengenalan	Geran Kontrak Penyelidikan dengan Potongan Cukai Dua Kali (CR DTD) di UTM adalah geran tajaan industri yang diberikan keistimewaan Potongan Cukai Dua Kali merujuk kepada Akta Cukai Pendapatan 1967, seksyen 34B. Hanya geran tajaan industri yang layak mendapat potongan cukai berkenaan sahaja akan didaftarkan bawah kategori CR DTD, dan diselia oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC). Geran yang dijalankan ialah projek penyelidikan dan digalakkan untuk membayar GRA/penyelidik dan bukan pembayaran yuran/biasiswa. Selain itu, Projek yang dijalankan mestilah “Projek Penyelidikan dan Pembangunan” yang dijalankan dalam bidang Sains dan Teknologi (S&T) merujuk kepada garis panduan yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 34B, Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP). Kriteria ini dibaca bersama dengan undang-undang dan prosedur sedia ada. Kriteria ini perlu dibaca bersama-sama dengan Garis Panduan Prosedur Permohonan Potongan Khas bagi Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan yang Layak, Ketetapan umum No.5/2020 serta No.10/2021 yang dikeluarkan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Garis panduan dan ketetapan umum boleh dirujuk di pautan berikut: [RUJUKAN CR-DTD] Projek konsultasi tidak dibenarkan.
2.	Objektif	Kategori CR DTD ini diwujudkan bagi membezakan geran tajaan industri yang layak mendapat keistimewaan Potongan Cukai Dua Kali, yang mana kaedah pendaftarannya adalah merujuk kepada proses kerja khusus yang telah ditetapkan oleh Universiti.
3.	Syarat Permohonan	1. Permohonan perlu disertakan bersama Surat Anugerah (Letter of Award), Kertas Cadangan Penyelidikan (Proposal), Keputusan Semakan Plagiarisme TurnItIn, Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Company Profile dan Insolvensi 2. Kelayakan projek penyelidikan kategori CR DTD adalah berdasarkan kepada: a. Pembiayaan penyelidikan diterima secara tunai daripada syarikat tempatan yang berstatus Sendirian Berhad, Berhad, Perkongsian, atau kategori syarikat- syarikat yang dibenarkan b. Projek penyelidikan yang dijalankan hendaklah berunsur Sains & Teknologi. c. Projek Penyelidikan yang dijalankan hendaklah memberikan manfaat terus kepada syarikat penaja. 3. Ketua Projek (warganegara / bukan warganegara Malaysia) bertaraf tetap/kontrak perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama. 4. Bagi Semakan Plagiarisme TurnItIn, pemohon hendaklah: a. Memuat naik <i>proposal</i> dalam akaun (<i>class</i>) Turnitin yang disediakan b. Memastikan peratus <i>similarity index</i> tidak melebihi 50% c. Lampirkan laporan semakan ke sistem RADIS semasa penghantaran permohonan. 5. Projek yang memohon CR DTD tidak layak memohon atau menerima Collaborative Grant (CG) bagi projek yang sama.

 RESEARCH MANAGEMENT CENTRE	KRITERIA GERAN KONTRAK PENYELIDIKAN DTD (CR-DTD)	Semakan: 4
		Tarikh Pindaan: 15 Januari 2026
		Muka surat 2 daripada 6

		6. Permohonan dibuat sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh mula projek. 7. Permohonan dibuka mulai 1 Januari dan akan ditutup pada 30 November pada setiap tahun.
4.	Tempoh Penyelidikan	1. Tempoh projek hendaklah bersesuaian dengan objektif projek serta dipersetujui oleh pihak penaja. 2. Bagi staf kontrak, tempoh projek penyelidikan hendaklah tidak melebihi tempoh kontrak perkhidmatan. 3. Tempoh minimum projek adalah 6 bulan.
5.	Siling Peruntukan	1. Siling peruntukan projek hendaklah bersesuaian dengan objektif projek dan dipersetujui oleh pihak penaja; 2. Nilai geran yang telah diluluskan akan diaktifkan dalam sistem RADIS dan diagihkan mengikut keperluan seperti disenaraikan dalam <i>proposal</i>
6.	Peraturan & Kawalan Kewangan	1. Penyelidik hendaklah mematuhi prosedur semasa perolehan kewangan universiti; atau 2. Bergantung kepada kelulusan penaja seperti yang telah diluluskan. 3. Semua jenis pembelian melalui pesanan rasmi (PO) perlu dibuat sekurang- kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat tempoh projek penyelidikan. 4. Sebarang pembelian selepas tarikh tamat tempoh projek tidak akan dipertimbangkan 5. Tiada pembelian aset dibenarkan di bawah V35000. 6. Perbelanjaan tujuan fabrikasi adalah dibenarkan. 7. Tuntutan pemulangan baki dana tajaan adalah tidak dibenarkan. 8. Tuntutan pemulangan dana yang telah diresitkan tidak dibenarkan. 9. Baki dana CR-DTD tidak boleh dipindahkan ke <i>R&D Fund</i> . Penentuan penggunaan baki dana tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pengurusan Dana (JKPD), UTM. 10. Syarikat penaja tidak boleh mempunyai kaitan dengan syarikat pembekal. 11. Ketua Projek perlu membuat permohonan pengeluaran invois daripada Unit Akaun RMC setelah pendaftaran geran di RADIS telah selesai. 12. Sekiranya penaja membuat pembayaran secara berfasa/berperingkat, Ketua Projek dibenarkan untuk membuat permohonan penyediaan invois setelah <i>deliverables</i> yang telah ditentukan oleh syarikat penaja tercapai (sekiranya ada).
7.	Caj Perkhidmatan	1. Caj Perkhidmatan yang dikenakan oleh UTM bagi CR DTD adalah bernilai 5% daripada dana tajaan . 2. Tambahan caj sebanyak 5% akan dikenakan ke atas syarikat-syarikat berstatus <i>spin-off</i> . 3. Perincian pengiraan jumlah dana tajaan adalah seperti berikut: a) Pengiraan bagi caj perkhidmatan 5% sahaja 95% (Perbelanjaan Projek) + 5% (Caj Perkhidmatan) = 100% (Dana Tajaan) b) Pengiraan bagi syarikat industri berstatus <i>spin-off</i> 90% (Perbelanjaan Projek) + 5% (Caj Perkhidmatan) + 5% (Tambahan Caj) = 100% (Dana Tajaan)
8.	Output Penyelidikan	Output penyelidikan projek adalah seperti yang telah dipersetujui oleh penaja dalam <i>proposal</i> .
9.	Proses Permohonan	Permohonan hendaklah di emel kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan melalui alamat dt dutm@utm.my
10.	Penilaian Proposal	1. Kelayakan projek bagi kategori CR DTD akan disemak dan dinilai oleh Panel Penilai yang dilantik berdasarkan bidang kepakaran yang berkaitan dengan <i>niche proposal</i> . 2. Penilaian proposal melibatkan pihak SME, ICC, RA dan RMC.



**RESEARCH
MANAGEMENT
CENTRE**

**KRITERIA GERAN KONTRAK PENYELIDIKAN
DTD (CR-DTD)**

Semakan: 4

**Tarikh Pindaan:
15 Januari 2026**

Muka surat 3 daripada 6

11.	Keputusan	Keputusan yang diumumkan adalah MUKTAMAD .				
12	Pemantauan Projek	1. Pelaporan prestasi projek-projek CR DTD hendaklah dilengkapkan di RADIS sebanyak dua (2) kali, iaitu pada bulan Jun dan Disember bagi setiap tahun. 2. Ketua Projek diwajibkan menghadiri Bengkel Pemantauan CR DTD sekiranya perlu bagi tujuan menilai pencapaian geran yang telah diluluskan. 3. Pemantauan ke atas projek-projek CR DTD adalah melibatkan aspek seperti berikut: a. Prestasi projek; dan b. Prestasi kewangan; dan c. Maklum balas pihak penaja (jika perlu) 4. Ketua Projek boleh dikenakan penalti sekiranya gagal mematuhi perkara seperti berikut: a. Tidak menghantar laporan perkembangan (mengikut tempoh yang telah ditetapkan oleh Pihak Penaja dan RMC); atau b. Tidak hadir pembentangan pemantauan perkembangan projek tanpa justifikasi yang kukuh; atau c. Tidak menghantar laporan akhir (mengikut tempoh yang telah ditetapkan oleh Pihak penaja dan RMC); atau d. Tidak mencapai KPI/serahan penyelidikan yang ditetapkan oleh penaja; atau e. Tidak hadir pembentangan laporan akhir tanpa justifikasi yang kukuh; atau f. Tidak menyelesaikan penyelidikan atas sebab-sebab yang tidak dinyatakan secara jelas dan tidak memaklumkan kepada Pihak Penaja dan Pihak RMC secara rasmi. 5. Ketua Projek perlu bertanggungjawab ke atas pelaksanaan projek serta mematuhi pekeliling dan prosedur yang telah ditetapkan. 6. Berdasarkan hasil pemantauan, status projek akan ditukarkan kepada:<table><tr><td>SUSPENDED</td><td> • Jika tidak menghantar laporan kemajuan dalam tempoh yang ditetapkan; atau • Jika menerima arahan daripada pihak penaja. </td></tr><tr><td>TERMINATED</td><td> • Jika tidak diaktifkan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh makluman kelulusan; atau • Jika menerima arahan daripada pihak penaja. </td></tr></table>	SUSPENDED	• Jika tidak menghantar laporan kemajuan dalam tempoh yang ditetapkan; atau • Jika menerima arahan daripada pihak penaja.	TERMINATED	• Jika tidak diaktifkan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh makluman kelulusan; atau • Jika menerima arahan daripada pihak penaja.
SUSPENDED	• Jika tidak menghantar laporan kemajuan dalam tempoh yang ditetapkan; atau • Jika menerima arahan daripada pihak penaja.					
TERMINATED	• Jika tidak diaktifkan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh makluman kelulusan; atau • Jika menerima arahan daripada pihak penaja.					
13	Penutup	1. Ketua Projek bertanggungjawab untuk menutup geran penyelidikan yang telah diluluskan dengan menghantar laporan akhir dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan selepas tarikh tamat geran penyelidikan. 2. Semua penyelidik perlu menghantar fail <i>Online Claim</i> selepas projek tamat ke Seksyen Kewangan RMC untuk tujuan pengesahan dokumen. 3. Aset penyelidikan yang dibiayai menggunakan geran ini perlu diselia oleh Ketua Projek apabila geran telah tamat. Permohonan Pindah Hak Milik / Pelupusan aset penyelidikan tersebut boleh dimajukan ke Seksyen Kewangan RMC. 4. Kegagalan menghantar fail <i>Online Claim</i> dan laporan akhir boleh mengakibatkan projek penyelidikan tidak dapat ditutup dengan sempurna dan memberi kesan kepada permohonan dan pendaftaran projek penyelidikan yang akan datang. 5. Ketua Projek boleh disenarai hitam sekiranya laporan tersebut tidak dikemukakan selepas dua (2) kali peringatan dihantar.				



**RESEARCH
MANAGEMENT
CENTRE**

KRITERIA GERAN KONTRAK PENYELIDIKAN DTD (CR-DTD)

Semakan: 4

**Tarikh Pindaan:
15 Januari 2026**


Muka surat 4 daripada 6

Carta alir permohonan dan pendaftaran Geran Kontrak Penyelidikan DTD (CR DTD)

Staf yang bertanggungjawab	Aliran Kerja	Proses Kerja
		Mula
KP	<pre> graph TD Start([Mula]) --> P1[] P1 --> P2[] P2 --> P3[] P3 --> P4[] P4 --> D{ } D -- Ya --> P6[] D -- Tidak --> P6 P6 --> P7[] P7 --> P8[] P8 --> P9[] P9 --> End([Tamat]) </pre>	Penyediaan Dokumen: 1. Proposal 2. SSM 3. Laporan Turnitin 4. Surat Anugerah (LoA) 5. Company profile 6. Insolvensi Borang Permohonan: <u>Google Form</u>
RA		Mengenalpasti panel pakar bidang
ICC		Menyemak kelayakan dan kesesuaian syarikat menaja projek R&D. *Jika syarikat penaja adalah berstatus anak syarikat, syarikat induk juga perlu disemak
Panel penilai		Sesi penilaian proposal CR DTD
RMC		Semakan hasil penilaian
KP		Penambahbaikan proposal berdasarkan hasil penilaian
RMC		Pemakluman keputusan Permohonan
PTPO/RM		Semakan dokumen & mengaktifkan geran
Syarikat		Menyalurkan dana ke Bendahari UTM
Bendahari UTM/Kewangan RMC		Bendahari mengeluarkan resit. Kewangan RMC akan mengagihkan dana ke geran
PTPO		Resit beserta Borang 3 Seksyen 34B ACP 1967 dipos kepada syarikat
		Tamat

 RESEARCH MANAGEMENT CENTRE	KRITERIA GERAN KONTRAK PENYELIDIKAN DTD (CR-DTD)	Semakan: 4
		Tarikh Pindaan: 15 Januari 2026
		Muka surat 5 daripada 6

Carta alir Pemantauan Geran Geran Kontrak Penyelidikan DTD (CR DTD)

Staf yang bertanggungjawab	Aliran Kerja	Proses Kerja
		Mula
KP		Peringatan mesra dihantar melalui sistem yang berkaitan
KP		Penghantaran laporan perkembangan
RA		Semakan laporan perkembangan
ICC		Analisis data mengikut keperluan
Panel penilai		Penganjuran bengkel pemantauan
		Tamat

 RESEARCH MANAGEMENT CENTRE	KRITERIA GERAN KONTRAK PENYELIDIKAN DTD (CR-DTD)	Semakan: 4
		Tarikh Pindaan: 15 Januari 2026
		Muka surat 6 daripada 6

Senarai Semak Dokumen permohonan kelulusan Pendaftaran Geran Kontrak Penyelidikan dengan Potongan Cukai Dua Kali (CR-DTD)

PERKARA	YA/TIDAK
1. Proposal CR-DTD	
Template Panduan Proposal CR-DTD telah diisi dengan lengkap	
Jadual perbelanjaan lengkap dengan perincian perbelanjaan	
V11 - Kos Tenaga Manusia / Lantikan RO/RA	
V21 - Kos Perjalanan	
V24 - Sewaan Peralatan / Bangunan	
B27/B26 - Bahan – Bahan Pakai Habis	
V28 - Kos Penyelenggaraan	
V29 - Perkhidmatan Profesional Dalam/Luar Malaysia	
V35 - Peralatan dan Aksesori Khas *Jika ada, adakah syarikat maklum bahawa perbelanjaan V35 adalah nilai yang tidak layak DTD	
V40 - Biasiswa dari rakan kerjasama	
V50 - Caj Perkhidmatan ke UTM - 5% dari dana tajaan	
2. Dokumen SSM	
Syarikat berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	
3. Laporan Turnitin	
Peratus similarity index tidak melebihi 50%	
4. Letter of Award (LoA)	
Maklumat di dalam Letter of Award (LoA) selaras dengan proposal yang dihantar	
a) Tajuk penyelidikan	
b) Tempoh Projek	
c) Jumlah Tajaan (RM)	
d) Output Penyelidikan	
e) Senarai ahli penyelidik terlibat (at least 1 staf akademik tetap)	
5. Company Profile	
Bidang perniagaan bersesuaian dengan projek penyelidikan yang dicadangkan	
6. Insolvensi Syarikat	
Status kewangan syarikat adalah stabil	